



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohon-Pemohon daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di dalam perkhidmatan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda:-

A. JAWATAN/KELAYAKAN

1. **JAWATAN** : **PEGAWAI TADBIR GRED N41 (KONTRAK)**
 - 1.1 Bilangan Kekosongan : 1
 - 1.2 Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - 1.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
 - 1.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred N41 : RM2,080.00 – RM9,546.00
 - 1.5 Syarat Lantikan :
 - a) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00);

atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43);

kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
2. **JAWATAN** : **AKAUNTAN GRED WA41 (TETAP)**
 - 2.1 Bilangan Kekosongan : 1
 - 2.2 Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - 2.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
 - 2.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred WA41 : RM2,820.00 – RM9,585.00

- 2.5 Syarat Lantikan : a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00);
- atau
- (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00);
- atau
- (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
- (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00);
- kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 2.6 Syarat Lantikan Terus Ke Jawatan Akauntan Gred WA47, WA51 atau WA53 : Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Akauntan Gred WA47, WA51 atau WA53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan (a) (i),(ii) dan (iii)
- (b) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli MIA;
- (c) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan
- (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred WA47: RM5,161.00/
- Gaji permulaan ialah pada Gred WA51: RM5,795.00/
- Gaji permulaan ialah pada Gred WA53: RM6,122.00).

- 2.7 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) (i),(ii) dan (iii)
- 3. JAWATAN : JURUTERA GRED J41 (TETAP)**
- 3.1 Bilangan Kekosongan : 4
- 3.2 Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- 3.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan Awam
- 3.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred J41 : RM2,529.00 – RM9,643.00
- 3.5 Syarat Lantikan : a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00);
- 3.6 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 4. JAWATAN : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19 (TETAP)**
- 4.1 Bilangan Kekosongan : 1
- 4.2 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 4.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
- 4.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred FT19 : RM1,377.00 – RM4,052.00
- 4.5 Syarat Lantikan : a) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00);

atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12);

atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24);

kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4.6 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Juruteknik Komputer yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

5. JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 (TETAP/LELAKI)

- 5.1 Bilangan Kekosongan : 1

- 5.2 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

- 5.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

- 5.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred KP11 : RM1,205.00 – RM2,939.00

- 5.5 Syarat Lantikan : a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);

atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);

dan b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79 sm ukuran dada yang biasa dan 84 sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5.6 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pengawal Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

6. JAWATAN : PEMBANTU AWAM GRED H11 (TETAP)

6.1 Bilangan Kekosongan : 37

6.2 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

6.3 Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

6.4 Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred H11 : RM1,218.00 – RM2,939.00

6.5 Syarat Lantikan : a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11:

RM1,218.00);

atau

(Syarat Tambahan: Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 6.6 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pengawas Hutan Gred G19, Pembantu Kemahiran Gred H19 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

B. UMUR (PADA TARIKH TUTUP IKLAN) :

- (a) Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun; dan
- (b) Pegawai sedang berkhidmat yang layak untuk Peningkatan Secara Lantikan hendaklah :-
 - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa pada 58 tahun; atau
 - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

C. TARAF JAWATAN :

Tetap **KECUALI** Pegawai Tadbir bertaraf kontrak

D. PENEMPATAN :

Penempatan bagi calon-calun yang BERJAYA adalah di Negeri Kedah dan Perlis sahaja.

E. TEMPOH PERCUBAAN :

Calon-calun yang dilantik secara terus atau Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan tetap adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.

F. PEPERIKSAAN / PROGRAM TRANSFORMASI MINDA :

Mengikut skim perkhidmatan.

G. CATATAN PENTING :

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- (c) **Salinan sijil dan dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah disertakan.**
- (d) Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (e) 1 borang hanya untuk 1 jawatan.
- (f) **Bagi pemohon jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 hendaklah melengkapkan borang pemeriksaan kesihatan seperti di Borang MADA PSM 3.**

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang MADA Am 1/Pindaan 2019 yang boleh dicetak daripada **Laman Web MADA** <http://www.mada.gov.my>
2. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada:-

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Ibu Pejabat MADA,
Ampang Jajar,
05990 ALOR SETAR.

[u.p.: Cawangan Pengurusan Sumber Manusia]

3. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan Laporan Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan.

Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 Januari 2019**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

NO. FAIL : MADA(A2)/502101 (24)